

RINGKASAN EKSEKUTIF

MPHS GO 2.0

Aplikasi MPHS GO (Majlis Perbandaran Hulu Selangor *Go Online*) telah dicipta dan dibangunkan secara dalaman oleh ahli kumpulan sendiri bagi memudahkan urusan penduduk di Hulu Selangor khususnya pelanggan Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS). Pada awal penciptaannya, pengguna MPHS GO versi 1.0 (MPHS GO 1.0) ini hanya boleh membuat urusan atas talian yang melibatkan urusan MPHS sahaja.


Kumpulan SyazYah pada awalnya ditubuhkan pada September 2022 dengan mencipta MPHS GO 1.0. Pada Februari 2023, Kumpulan SyazYah telah menjalinkan kolaborasi bersama wakil daripada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Hulu Selangor yang telah dipilih iaitu MPKK Kalong Tengah/ Hilir. Setelah melakukan beberapa perjumpaan dan sesi bertukar pandangan serta idea, Kumpulan telah menambahbaik aplikasi MPHS GO 1.0 dan mencipta aplikasi yang bersifat *one stop center* yang telah di buat penjenamaan semula kepada MPHS GO versi 2.0 (MPHS GO 2.0) dimana konsep akhir aplikasi ini adalah sebagai satu aplikasi yang boleh digunakan oleh semua penduduk Hulu Selangor dan tidak tertumpu kepada pelanggan MPHS sahaja.

Antara perkhidmatan yang akan dinikmati oleh pengguna MPHS GO 2.0 ini adalah urusan pembayaran bil cukai taksiran, permohonan lesen perniagaan, aduan secara atas talian, tempahan dewan dan banyak lagi termasuk urusan atas talian daripada agensi yang lain.

Aplikasi ini juga merupakan satu-satunya aplikasi yang menghimpunkan direktori-direktori agensi kerajaan Hulu Selangor secara *offline* beserta lokasi pejabat agensi tersebut. MPHS GO 2.0 juga menyediakan perkhidmatan secara atas talian bagi agensi kerajaan Hulu Selangor yang lain seperti Air Selangor, Lembaga Zakat Selangor, Jabatan Imigresen dan lain-lain lagi.

Selain itu, aplikasi ini juga sering dikemaskini bagi memastikan segala inisiatif dan bantuan daripada Kerajaan Negeri Selangor dapat dipromosikan serta disalurkan kepada penduduk Hulu Selangor melalui Itizam Selangor Penyayang. Aplikasi ini juga secara tidak langsung telah menjadi salah satu aplikasi *One Stop Centre* yang menjadi rujukan kepada orang awam untuk berurusan.

Kumpulan juga berharap agar satu hari nanti aplikasi ini dapat digunakan agar segala kebaikan dan manfaat yang diperoleh daripada aplikasi ini dapat dirasakan oleh 242,000 penduduk Hulu Selangor. Akhir sekali, kumpulan juga berharap dengan sedikit idea dan penambahbaikan lagi, MPHS GO 2.0 mampu menjadi suatu aplikasi yang menjadi contoh kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi lain untuk mencipta satu aplikasi yang bersifat menyeluruh seperti MPHS GO 2.0.

KRITERIA 1 : PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN**1.1 PENGENALAN KUMPULAN :**

1.1.1 Kumpulan Syazyah ditubuhkan pada awal bulan Januari 2023 yang terdiri daripada **3 orang ahli** iaitu yang diketuai oleh Encik Mohamad Syazrul Affendy bin Ahmad Ritaudin (Bahagian Korporat MPHS). Manakala, ahli kumpulan iaitu Puan Norhidayah binti Marudin @ Nordin (Jabatan Khidmat Pengurusan MPHS) serta En Mohamad Feroz bin Zainal (Pengerusi MPKK Kalong Tengah/ Hilir).

1.1.2 Objektif kumpulan :

- 1.1.2.1 Memberikan perkhidmatan yang cekap dan efisien kepada semua pelanggan.
- 1.1.2.2 Menghasilkan aplikasi yang mampu memberi manfaat kepada semua pengguna dan memberi impak yang tinggi kepada majlis.
- 1.1.2.3 Melahirkan pemikiran yang kreatif dan inovatif di kalangan ahli kumpulan bagi menghasilkan sesebuah projek.

1.1.3 Motto kumpulan : **Cool & Innovate**

1.2 NAMA PROJEK / INOVASI :

MPHS GO 2.0 merupakan singkatan nama bagi *Majlis Perbandaran Hulu Selangor Go Online* yang merupakan satu aplikasi yang dicipta bagi menghubungkan segala perkhidmatan secara atas talian didalam satu aplikasi. Aplikasi ini juga secara tidak langsung telah menjadi salah satu aplikasi *One Stop Centre* yang menjadi rujukan kepada orang awam untuk berurusan.

1.3 BIDANG DAN KATEGORI PROJEK :


MPHS GO 2.0 merupakan satu Inovasi Sosial yang mana inovasi ini akan memberikan manfaat terutamanya kepada seluruh penduduk di Hulu Selangor. Selain itu, jalinan kolaborasi bersama wakil MPKK di Daerah Hulu Selangor yang telah dipilih iaitu MPKK Kalong Tengah / Hilir juga diharapkan dapat menambahbaik kandungan aplikasi ini agar segala maklumat dan bantuan daripada kerajaan dapat dipromosikan dengan baik dan meluas.

1.4 KELULUSAN & SOKONGAN PIHAK PENGURUSAN TERTINGGI

- 1.4.1 Kumpulan SyazYah telah mendapat kelulusan pengurusan tertinggi melalui **Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi bil 01 tahun 2023** untuk melaksanakan projek ini dan digunapakai oleh semua kakitangan MPHS bermula pada tahun ini. (Rujuk lampiran 1)
- 1.4.2 Pengurusan tertinggi juga telah memberi sokongan dan kepercayaan kepada kumpulan untuk menjalankan kolaborasi bersama wakil penduduk Hulu Selangor supaya aplikasi ini dapat dikembangkan lagi penggunaannya kepada seluruh penduduk Hulu Selangor. (Rujuk lampiran 2)

KRITERIA 2 : SIGNIFIKAN PROJEK & PEMBUKTIAN

2.1 KAITAN DENGAN FUNGSI UTAMA JABATAN / ORGANISASI :



(Sumber : Buku Pelan Strategik MPHS 2019 – 2023)

Peranan utama Bahagian Korporat adalah memberikan perkhidmatan yang mesra pelanggan, cekap dan efisien dalam menjalankan tugas khidmat pelanggan seperti menjawab panggilan serta melayani pelanggan secara mesra sejajar dengan **Teras 2 bagi Strategik 04 MPHS 2019 – 2023**: *“Memantapkan imej korporat menerusi inisiatif pengurusan persepsi dan memberdayakan modal insan ke arah sistem penyampaian yang berkesan”*.

Di samping itu juga, penyampaian maklumat dan informasi kepada pelanggan dengan lebih berkesan amat dititikberatkan di dalam organisasi MPHS. Oleh yang demikian, dengan adanya produk inovasi ini, diharapkan agar setiap pertanyaan atau isu yang diajukan oleh pelanggan MPHS dapat diselesaikan dengan lebih cepat dan sistematik.

2.2 MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN DAN PEMEGANG TARUH :

- 2.2.1 MPHS GO 2.0 dicipta bagi memenuhi kehendak pelanggan yang mensasarkan kepada **seluruh penduduk di Daerah Hulu Selangor** tanpa mengira umur bagi memudahkan dan melancarkan proses urusan di kaunter majlis. Oleh yang demikian, segala perkhidmatan majlis, aduan online agensi lain, pelbagai inisiatif dibawah Iltizam Selangor Penyayang dapat diakses secara atas talian, malah lain-lain perkhidmatan seperti penggunaan direktori kecemasan, direktori dan pencarian lokasi bagi agensi di Daerah ulu Selangor juga dapat digunakan dengan cekap dan pantas.
- 2.2.2 MPHS GO 2.0 juga dapat memenuhi kehendak **warga kerja MPHS** iaitu barisan hadapan petugas kaunter dengan memberikan perkhidmatan yang lebih cekap dan efisien. Seajar dengan Pekeliling Perkhidmatan Awam Bil 05 tahun 2007 di dalam skim perkhidmatan pegawai khidmat pelanggan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Hal ini kerana, terdapat empat talian am Ibu Pejabat Majlis yang telah dimasukkan ke dalam aplikasi ini bagi mengelakkan kesesakan talian telefon agensi majlis.

2.3 SEJAJAR DENGAN AGENDA DAN MATLAMAT NASIONAL :

- 2.3.1 Kebanyakan urusan kaunter yang melibatkan borang-borang permohonan pada hari ini telah berubah daripada fizikal kepada atas talian. Begitu juga dengan urusan pembayaran, semakin hari semuanya semakin beralih ke arah digital.
- 2.3.2 MPHS GO 2.0 secara tidak langsung menitikberatkan perkhidmatan e-Pembayaran yang menyokong ke arah komuniti tanpa tunai *cashless society* yang menjurus kepada agenda utama Kerajaan pada masa ini yang mana telah dilancarkan dalam **Pelan Strategik e-Pembayaran Sektor Awam (PSPSA) 2016 – 2020**. (Rujuk lampiran 3)
- 2.3.3 MPHS GO 2.0 juga menyahut seruan kerajaan dalam memantapkan perkhidmatan aplikasi mudah alih sistem penyampaian kerajaan yang dirangka di dalam **Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021 - 2025**. (Rujuk lampiran 4). Antara salah satu prinsip panduan yang boleh diketengahkan ialah kebolehpercayaan dalam melaksanakan perkhidmatan yang disediakan dengan tepat, mudah dan lancar, disamping memastikan kualiti perkhidmatan adalah terjamin dan selamat seajar dengan penciptaan aplikasi ini.
- 2.3.4 Aplikasi ini juga menyahut objektif **Smart Selangor Action Plan 2025** yang membolehkan komuniti penduduk yang didiami, produktif dari segi

ekonomi, mesra alam sekitar melalui penggunaan teknologi digital.
(Rujuk lampiran 5)


- 2.3.5 Malah, aplikasi MPHS GO 2.0 secara tidak langsung telah menyumbang kepada ***Sustainable Development Goals (SDG) 11, 16 dan 17.***(Rujuk lampiran 6)

2.4 KAITAN DENGAN KEADAAN DAN EKOSISTEM SEMASA :

- 2.4.1 Zaman beralih musim berubah, kini dunia amat bergantung kepada teknologi maklumat dan komunikasi. Sejak penularan pandemik Covid-19, dunia semakin bergantung kepada teknologi moden dan digital khususnya dari segi sosial, ekonomi, pendidikan dan lain-lain perkhidmatan. Kini, kita lebih banyak bergantung kepada teknologi digital di hujung jari untuk memperoleh maklumat dan perkhidmatan secara pantas. Antara contohnya ialah perkhidmatan *e-banking*, pesanan makanan secara atas talian, perkhidmatan jual beli atas talian seperti *Lazada* dan *Shopee* malah tempahan hotel seperti *Trivago* dan *Agoda*.
- 2.4.2 Pelbagai agensi jika kita lihat pada hari ini masing-masing berlumba untuk mengeluarkan aplikasi masing-masing bagi memudahkan proses kerja seperti tumbuhnya cendawan selepas hujan. Justeru itu, MPHS GO 2.0 turut bersama-sama mencipta aplikasi bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih efisien bagi memperkasakan imej organisasi majlis.

2.5 KAEDAH PEMILIHAN PROJEK :

- 2.5.1 Hasil daripada perbincangan melalui kaedah sumbang saran (*brainstorming*), kumpulan SyazYah mengusulkan beberapa pernyataan masalah seperti berikut:
- i. Kekerapan panggilan masuk yang bukan di bawah skop majlis.
 - ii. Waktu berurusan di kaunter yang lama.
 - iii. Kesukaran pelanggan untuk membuat aduan kepada agensi yang tepat.
 - iv. Kesukaran untuk mencari maklumat yang tepat di internet.
 - v. Kesukaran untuk hadir dan berurusan di pejabat MPHS.
 - vi. Kesukaran pelanggan untuk berurusan dengan kakitangan MPHS.
- 2.5.2 Berikut adalah proses kaedah yang digunakan oleh kumpulan bagi mengenalpasti pemilihan projek dan analisis yang dilaksanakan. (Rujuk lampiran 7).



2.5.3 Kesimpulannya, berdasarkan kaedah pemilihan projek, kumpulan telah memilih **KEKERAPAN PANGGILAN MASUK YANG BUKAN DI BAWAH SKOP MAJLIS** sebagai punca masalah yang paling utama.

2.6 PENYATAAN SASARAN OUTCOME & IMPAK :

OUTPUT	OUTCOME	IMPAK
Menjawab semua panggilan masuk ke MPHS setiap hari bekerja	Mengurangkan panggilan masuk yang bukan dibawah urusan MPHS sebanyak 50%	Meningkatkan kecekapan kefungsiannya MPHS kepada pemegang taruh.
Memastikan semua penduduk Hulu Selangor mempunyai satu aplikasi yg memudahkan urusan dan cepat diakses	Meningkatkan kadar penggunaan aplikasi sebanyak 50% akses penggunaan dalam masa sebulan	-Pelanggan dapat memanfaatkan aplikasi ini untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. -Urusan pelanggan menjadi lebih cepat dan mudah kerana saluran aduan dipanjangkan kepada agensi yang betul.

KRITERIA 3 : TINDAKAN PENYELESAIAN

3.1 STRATEGI PENYELESAIAN KREATIF TERMASUK APLIKASI PENGGUNAAN TOOLS :

3.1.1 Definisi masalah bagi **kekerapan panggilan masuk yang bukan di bawah skop majlis** seperti berikut:



3.1.2 Berdasarkan kepada rajah tulang ikan (**Rajah Ishikawa**) di bawah, punca-punca paling mungkin dipecahkan melalui 4 kategori utama yang diuraikan seperti berikut:



Rajah Ishikawa

3.1.2 Kumpulan telah menggunakan kaedah verifikasi punca masalah (**sila rujuk lampiran 8**) bagi mengenalpasti punca-punca masalah paling mungkin. Kumpulan telah mengenalpasti 2 punca paling mungkin iaitu:

- i. **Maklumat di internet tidak tepat**
- ii. **Maklumat direktori di internet tidak dikemaskini**

3.1.3 Kumpulan menggunakan Teknik Pro & Kontra (**Rujuk lampiran 9**). Dua cadangan alternatif iaitu :

- i. Menaiktaraf aplikasi yang sedia ada.
- ii. Mendapatkan pengesahan direktori yang masih digunakan dengan pihak Telekom Malaysia.

3.1.4 Berdasarkan analisa yang telah dibuat, kumpulan telah membuat keputusan dan bersetuju untuk **menaiktaraf aplikasi yang sedia ada kepada MPHS GO 2.0 serta memasukkan direktori nombor telefon yang telah disahkan oleh pihak Telekom Malaysia di dalam MPHS GO 2.0.**

- 3.1.5 Selain daripada itu, ahli kumpulan juga telah membuat beberapa penandaarasan terhadap aplikasi yang wujud di PBT/ agensi lain. Hasil penandaarasan tersebut boleh didapati di [lampiran 10](#).
- 3.1.6 Kumpulan telah mengambil langkah penyelesaian dengan mengemaskini aplikasi dengan menambah pelbagai maklumat yang berkaitan direktori MPHS dan juga agensi-agensi Hulu Selangor. Tambahan lagi, kumpulan juga telah menambahbaik paparan bagi aplikasi ini agar lebih kelihatan interaktif supaya pengguna lebih tertarik untuk menggunakan aplikasi ini.

3.2 PENGHASILAN DAN PENGUJIAN PROTOTAIP :

- 3.2.1 Kumpulan telah merangka perancangan pelaksanaan idea serta membuat beberapa ujicuba untuk mendapatkan hasil yang terbaik bagi aplikasi ini. Rekabentuk aplikasi ini diwujudkan dengan menggunakan kaedah coding untuk membina aplikasi tersebut.
- 3.2.2 Penghasilan dan pengujian aplikasi ini disertakan di [lampiran 11](#).

3.3 PERAKUAN DARIPADA PIHAK BERTAULIAH/ PIHAK BERKUASA

- 3.3.1 Direktori yang dimasukkan di dalam aplikasi MPHS GO 2.0 ini telah disemak dan mendapat pengesahan daripada pihak Telekom Malaysia. [\(Rujuk lampiran 12\)](#)
- 3.3.2 Aplikasi ini juga mendapat perakuan daripada Polis Diraja Malaysia melalui Ibu Pejabat Daerah (IPD) Hulu Selangor yang menyatakan aplikasi ini mudah digunakan sekiranya berlaku kecemasan. [\(Rujuk lampiran 13\)](#)

3.4 PELAKSANAAN INOVASI


- 3.4.1 MPHS GO 1.0 mula dibina pada 31 Oktober 2021. Aplikasi ini dipromosikan semasa hari bertemu pelanggan pada 24 Jun 2022 bertempat di Ibu Pejabat, MPHS. MPHS GO 1.0 kemudiannya dikemaskini dari segi paparan dan mula digunapakai bermula pada 13 Januari 2023. Versi ini diukur mengikut kadar jumlah pengguna yang memuat turun aplikasi ini sama seperti aplikasi-aplikasi lain yang terdapat di *Play Store*. [\(Rujuk lampiran 14\)](#)
- 3.4.2 Aplikasi ini akan sentiasa dikemaskini dari masa ke semasa bagi memastikan segala maklumat dapat ditambahbaik bagi kegunaan penggunaanya. [\(Rujuk lampiran 15\)](#)
- 3.4.3 MPHS GO 2.0 secara rasminya boleh dimuat turun di *Google Play Store* pada 22 Mac 2023. [\(Rujuk lampiran 16\)](#)

Carta diatas menunjukkan bahawa data jumlah bilangan panggilan masuk yang bukan dibawah skop majlis mengikut bulan.

Data di atas menunjukkan bahawa pengurangan panggilan masuk yang bukan dibawah skop MPHS telah berkurang sebanyak 50% semenjak penggunaan aplikasi MPHS GO 2.0 secara rasmi pada bulan Mac 2023. Peratusan pengurangan dari bulan Februari 2023 kepada bulan Mac 2023 iaitu dari 10.45% kepada 4.83%. Bagi perkiraan peratusan ini, **rujuk lampiran 19.**

4.1.2 MENINGKATKAN KADAR PENGGUNA APLIKASI

Aplikasi ini mewujudkan satu platform yang *independable* yang mensasarkan objektif penyebaran maklumat dengan cepat dan pantas kepada seluruh penduduk Hulu Selangor. Justeru itu, ianya memberikan peningkatan outcome bagi kadar penggunaan terhadap aplikasi ini sebanyak 906 pelawat setakat 28/3/2023 jam 12.23 tengah hari. **(Rujuk lampiran 20).**



4.1.3 PENJIMATAN KOS : ANGGARAN KOS BAGI PENGHASILAN APLIKASI OLEH VENDOR

Turut disertakan juga anggaran kos bagi pelaksanaan aplikasi sekiranya dilaksanakan oleh pihak *vendor* adalah bermula daripada sekitar **RM30,000 keatas** **(Rujuk lampiran 21).**

Ini membuktikan bahawa penciptaan aplikasi hasil idea dan ciptaan sendiri oleh ahli kumpulan memberi impak yang sangat besar bukan sahaja penjimatan terhadap nilai ringgit tetapi dapat mengetengahkan kemahiran ahli kumpulan dalam membentuk aplikasi yang sesuai dengan keperluan dan masalah yang dihadapi.

Setakat ini, kumpulan telah berjaya **menjimatkan** kos untuk membina aplikasi ini sebanyak **melebihi RM 80,000.00**

4.1.4 KPI Negeri & Negara :

Aplikasi ini selaras dengan teras **pelan Strategik Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK Selangor 2023-2025)** menyelaraskan perancangan dan pembangunan infrastruktur fizikal dan bukan fizikal (digitalisasi) demi keselesaan dan kesejahteraan rakyat. (Rujuk lampiran 22).

Selain itu, bagi merealisasikan hasrat kerajaan negeri melalui inisiatif **Iltizam Selangor Penyayang** yang akan memberi manfaat kepada seluruh penduduk di Negeri Selangor khususnya penduduk Hulu Selangor. (Rujuk lampiran 23)

Dengan adanya aplikasi ini secara tidak langsung penyampaian perkhidmatan agensi dapat dimantapkan lagi selari dengan **Pelan Strategik KPKT 2021 – 2025** teras 7 iaitu melestarikan modal insan, tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan yang berkesan secara holistik. (Rujuk lampiran 24)

4.1.5 PENCAPAIAN ANUGERAH

Kumpulan telah menjadi finalis akhir AINS (Anugerah Inovasi Negeri Selangor) pada 12 September 2022.

Selain itu, kumpulan juga telah memenangi pencapaian Anugerah Inovasi Majlis pada 15 September 2022 sebagai johan bagi kategori sistem. (Rujuk lampiran 25)

4.2 FAEDAH SAMPINGAN (luar jangka) :

4.2.1 KEPUASAN PENGGUNA

Semasa pelancaran MPHS GO 2.0 yang berlangsung pada 22 Mac 2023, kumpulan telah memberikan soal selidik kajian kepuasan pelanggan. Antara soalan yang diutarakan ialah :

- i. Adakah direktori di dalam aplikasi ini membantu anda untuk membuat panggilan?
- ii. Adakah aplikasi ini mudah untuk digunakan ?
- iii. Adakah paparan di MPHS GO 2.0 jelas dan tepat
- iv. Adakah anda pernah menggunakan aplikasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bersifat *one stop centre* seperti MPHS GO 2.0 ini?
- v. Adakah anda berpuas hati dengan aplikasi MPHS GO versi 2.0?

Hasil daripada penggunaan aplikasi ini, secara umumnya pengguna berpuas hati dengan aplikasi MPHS GO 2.0 ini. (Rujuk lampiran 26)

4.2.2 HEBAHAN KEBAIKAN APLIKASI KEPADA MASYARAKAT SERTA AGENSI PBT YANG LAIN.

MPHS membuat hebahan kebaikan aplikasi yang memberikan pelbagai manfaat kepada penggunaannya melalui media sosial FB page MPHS, Instagram MPHS, YouTube MPHS serta TikTok MPHS serta portal rasmi MPHS.

Selangor Kini juga telah menguar-uarkan tentang pelancaran MPHS GO yang bersifat pusat sehenti (*One Stop Centre*) dimana agensi PBT yang lain boleh menjadikan MPHS GO ini sebagai contoh untuk mereka mengadaptasi konsep pusat sehentinya supaya aplikasi yang mereka juga akan lebih bersifat menyeluruh. (Rujuk lampiran 27)

KRITERIA 5 : IMPAK PROJEK

5.1 PENCAPAIAN IMPAK DAN PEMBUKTIAN

MPHS GO 2.0 secara tidak langsung telah menjadi salah satu komponen penting dalam sasaran kerajaan Malaysia bagi **Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia** bagi komponen kerajaan iaitu :

- i. 100% penjawat awam celik digital
- ii. 80% perkhidmatan kerajaan dalam talian dari peringkat awal ke akhir
- iii. Semua kementerian dan agensi menyediakan pilihan pembayaran tanpa tunai menjelang tahun 2022
- iv. 80% penggunaan storan pengkomputeran awan merentas sektor awam pada tahun 2022

(Rujuk lampiran 28)

5.2 FAEDAH SAMPINGAN (luar jangka)

5.2.1 Kesan jangka panjang kepada kakitangan

Disertakan juga testimoni kakitangan yang menggunakan aplikasi MPHS GO 2.0 (Rujuk lampiran 29).

5.2.2 Temuramah bersama pelanggan / stakeholder

Disertakan juga bukti temuramah serta penerangan penggunaan MPHS GO 2.0 bersama pelanggan/ stakeholder (Rujuk lampiran 30)

KRITERIA 6 : POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI**6.1 TAHAP KETERSEDIAAN TEKNOLOGI/ SISTEM/ PROSES**

- 6.1.1 Aplikasi ini sentiasa dikemaskini dari masa ke semasa oleh En Mohamad Syazrul Affendy serta dikawal dan diperhatikan kandungan aplikasinya oleh Bahagian Teknologi Maklumat.
- 6.1.2 Pengguna aplikasi boleh menghubungi pencipta aplikasi melalui pautan emel yang terdapat di *Google Play Store* sekiranya terdapat sebarang pindaan atau pembetulan pada maklumat yang dipaparkan.

**6.2 TAHAP REPLIKASI ATAU PENGKOMERSIALAN**

- 6.2.1 MPHS GO 2.0 secara rasminya sudah tersedia di dalam *Google Play Store* dan boleh dimuat turun oleh pengguna secara rasmi di *Play Store* tersebut.
- 6.2.2 MPHS GO 2.0 ini mula dipromosikan setelah pelancarannya pada 22 Mac 2023 yang lalu. En Mohd Feroz bin Zainal selaku Jawatankuasa Promosi memainkan peranan yang penting dalam memastikan promosi aplikasi ini kepada penduduk setempat supaya menggunakan aplikasi ini. En Mohd Feroz juga bertindak sebagai wakil MPKK yang akan mewakili keseluruhan MPKK di kawasan Hulu Selangor yang mana ianya akan mempromosikan aplikasi ini di keseluruhan 64 buah MPKK di Daerah Hulu Selangor ini.
- 6.2.3 Selain itu, antara promosi yang dilakukan oleh MPHS ialah:
- i. Memainkan tayangan video *montage* aplikasi ini di pejabat MPHS pada setiap hari
 - ii. Menggantung iklan *bunting* berkaitan MPHS GO 2.0 di pejabat serta di lokasi program yang melibatkan MPHS.

- iii. MPHS juga akan mengadakan *tour* bagi mempromosikan aplikasi ini kepada seluruh agensi kerajaan di Hulu Selangor dari masa ke semasa.

RUMUSAN

Kumpulan kami juga berhasrat agar aplikasi ini dapat diangkat dan menjadi contoh oleh Kerajaan Negeri Selangor supaya aplikasi ini dapat menjadi contoh kepada semua PBT-PBT Selangor yang lain untuk mencipta satu aplikasi yang bersifat *One Stop Centre* yang boleh digunakan oleh semua penduduk di kawasan tersebut dimana faedahnya boleh dinikmati oleh semua penduduk Selangor, PBT Selangor seterusnya Kerajaan Negeri Selangor.

Lampiran 1 : Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi bil 01/2023

MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU INOVASI BIL 01 TAHUN 2023 MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR TARIKH : 07 FEBRUARI 2023 (SELASA) MASA : 3:30 PADI TEMPAT : BILIK MESYUARAT CHILUNG, MPHS HADIR: 1. Tuan Awaludin bin Zakaria, A.M.S -Pengerusi 2. Enck Shafui Riza bin Hj. Pamin, P.P.T, C.A.Ni Pengerah Jabatan Perbandarhan 3. Enck Mohd Noraz bin Ahmad Tamsil Pengerah Jabatan Khasmat Pengurusan 4. Enck Mohd Shahril bin Rani Pengerah Jabatan Pengurusan Sisa Pegejal dan Pembersihan Awan 5. Enck Muhammad Anul Nizam bin Mohd Azil Pengerah Jabatan Pengkuasaan 6. Puan Junainah binti Abdullah Ketua Bahagian Korporat 7. Enck Samul Kamal bin Abd Aziz Ketua Bahagian Audit Dalam 8. Cik Noradimah binti Mohd Anahid Ketua Bahagian Perolehan 9. Mohd Hani Helmi bin Abu Bakar Wakil Jabatan Berseutan 10. Cik Nur Atiah binti Mohd Ali Basha Wakil Jabatan Kejuruan 11. Puan Sharifahakmal bt. Alias Wakil Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi Bil 01/2023	14. MPHS GO 2.0 Korporat, Khasmat Pengurusan 15. EIS Perancang Tindakan makluman 3.3. Jabatan Landkap, Jabatan Pembangunan Masyarakat serta Bahagian Pusat Setempat (OSC) perlu membentangkan bajaj dalam mesyuarat yang akan datang. Tindakan : Jabatan Landkap, Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Bahagian Pusat Setempat (OSC) 4. PEMILHAN KUMPULAN YANG AKAN MENYERTAI MPPIANS 2023 DAN INOVASI MALA 3.0 PIALA MENTERI KPKT 2023-2024. 4.3. Kumpulan yang akan menyertai MPPIANS 2023 adalah seperti berikut: <table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL</th> <th>KUMPULAN</th> <th>INOVASI</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Garden/Garden</td> <td>Kabun Rekreasi Desa Anggerik</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>The Angle</td> <td>Portable Stage</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>FKS 1.5</td> <td>E-Base</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>SyazYah</td> <td>MPHS GO 2.0</td> </tr> </tbody> </table> Tindakan : Jabatan Landkap, Jabatan Pengkuasaan, Jabatan Pemasaran, Jabatan Khasmat Pengurusan dan Bahagian Korporat. 4.4. Kumpulan yang akan menyertai Inovasi Mala 3.0 Piala Menteri KPKT 2023-2024 adalah seperti berikut: <table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL</th> <th>KUMPULAN</th> <th>INOVASI</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Atah & Team</td> <td>akan dibentangkan dalam mesyuarat yang akan datang.</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>The UKV</td> <td>Super Tangguk</td> </tr> </tbody> </table> Tindakan : Bahagian Pusat Setempat dan Jabatan Pengurusan Sisa Pegejal dan Pembersihan Awan 5. HAL HAL LAIN 5.3. Pengerusi mengingatkan Kumpulan IKAGI untuk mendaftar hak cipta agar idea inovasi tersebut tidak diambil oleh pihak lain. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi Bil 01/2023	BIL	KUMPULAN	INOVASI	1	Garden/Garden	Kabun Rekreasi Desa Anggerik	2	The Angle	Portable Stage	3	FKS 1.5	E-Base	4	SyazYah	MPHS GO 2.0	BIL	KUMPULAN	INOVASI	1	Atah & Team	akan dibentangkan dalam mesyuarat yang akan datang.	2	The UKV	Super Tangguk	Tindakan : Jabatan Pengurusan Sisa Pegejal dan Pembersihan Awan 6. UCAPAN PENANGGUHAN 6.3. Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua wakil jabatan yang hadir dan menanggunghkan sesi perbincangan pada pukul 11.05 pagi. Tindakan : Makluman Disiarkan oleh : (MOHAMAD SYAZUL AFFENDY BIN AHMAD RITAUDIN) Pembantu Tadbir Bahagian Korporat, Majlis Perbandaran Hulu Selangor 15 Februari 2023 Disemak oleh: (AWALUDDIN BIN ZAKARIA, A.M.S) Ketua Bahagian Korporat, Majlis Perbandaran Hulu Selangor 17 Februari 2023 Disahkan oleh: (AWALUDDIN BIN ZAKARIA, A.M.S) Ketua Bahagian Korporat, Majlis Perbandaran Hulu Selangor 17 Februari 2023 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi Bil 01/2023
BIL	KUMPULAN	INOVASI																								
1	Garden/Garden	Kabun Rekreasi Desa Anggerik																								
2	The Angle	Portable Stage																								
3	FKS 1.5	E-Base																								
4	SyazYah	MPHS GO 2.0																								
BIL	KUMPULAN	INOVASI																								
1	Atah & Team	akan dibentangkan dalam mesyuarat yang akan datang.																								
2	The UKV	Super Tangguk																								

Sumber : Cabutan minit mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi bil 01/2023.


Lampiran 2 : Surat jalinan kolaborasi

MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR JALAN BUKIT KERAJAAN, 44000 KUALA KUBU BHARU. TEL : 03-6044 1331 / FAKS : 03-6044 2991 www.mphs.gov.my Ruj. Tuan : Bil. (38) dlm. MDHS 509/61 Jd 3 Ruj. Kamti : Bil. (38) dlm. MDHS 509/61 Jd 3 Tarikh : 16 Februari 2023 Enck Mohd Feroz bin Zainal Pengerusi MPKK Kalong Tengah/Hilir Balatraya MPKK Kalong Tengah/Hilir Ulu Yam Bharu, Mukim Ulu Yam 44300 BATANG KALI. Tuan, JALINAN KOLABORASI DALAM MEMBANGUNKAN APLIKASI MPHS GO 2.0 Salam sejahtera dan dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk. 2. Dengan sukacitanya dinakumkan bahawa, Majlis Perbandaran Hulu Selangor melalui Kumpulan Inovasi SyazYah telah membangunkan satu aplikasi iaitu MPHS GO. 3. Untuk makluman, Majlis Perbandaran Hulu Selangor melalui Kumpulan SyazYah berhasrat ingin menjalin kolaborasi antara MPHS dengan wakil penduduk Hulu Selangor melalui wakil MPKK iaitu MPKK Kalong Tengah/Hilir memandangkan kredibiliti tuan juga yang terlibat aktif dalam program-program inovasi yang ada. Saya berharap agar jalinan kolaborasi bagi membangunkan aplikasi ini dapat dipersetujui bersama pihak tuan agar kita dapat bertukar pendapat dan pandangan bagi menambahkan aplikasi MPHS GO 1.0 yang sedia. 4. Selain itu, saya juga percaya dengan jalinan kolaborasi ini aplikasi ini dapat menyediakan perkhidmatan secara one stop centre memandangkan tujuan kumpulan ini adalah untuk menghasilkan satu inovasi bagi memudahkan pengguna di seluruh Hulu Selangor dan tidak tertumpu kepada pelanggan MPHS sahaja. Beberapa program antara pihak MPHS serta Persatuan Penduduk telah dibuat kini MPHS berhasrat agar satu program dapat dibuat bersama MPKK pula memandangkan ini merupakan kali pertama kolaborasi bagi program inovasi antara MPHS dengan pihak MPKK. 	Ruj. Kamti : Bil. (38) dlm. MDHS 509/61 Jd 3 JALINAN KOLABORASI DALAM MEMBANGUNKAN APLIKASI MPHS GO 2.0 Segala kerjasama dan perhatian pihak tuan amatlah diharapkan dan didahulukan dengan ucapan terima kasih. Sekian. "SELANGOR MAJU BERSAMA" "BERKHIDMAT UNTUK NEGARA" Saya yang menjalankan amanah. (AWALUDDIN BIN ZAKARIA, A.M.S) Timbalan Yang Dipertua, b.p. Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Hulu Selangor. s.k - Yang Dipertua, MPHS	MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR JALAN BUKIT KERAJAAN, 44000 KUALA KUBU BHARU. TEL : 03-6044 1331 / FAKS : 03-6044 2991 www.mphs.gov.my Ruj. Kamti : Bil. (38) dlm. MDHS 509/61 Jd 3 Ruj. Tuan : Bil. (38) dlm. MDHS 509/61 Jd 3 Tarikh : 16 Februari 2023 Enck Mohamad Syazul Affendy bin Ahmad Ritaudin Bahagian Korporat Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Jalan Bukit Kerajaan, 44000 KUALA KUBU BHARU. Tuan, JALINAN KOLABORASI DALAM MEMBANGUNKAN APLIKASI MPHS GO 2.0 Salam sejahtera dan dengan segala hormatnya surat tuan berhubung perkara diatas adalah dirujuk. 2. Untuk makluman, saya selaku Ketua Kampung/ Pengerusi MPKK Kalong Tengah/Hilir tiada halangan dan bersetuju untuk menjalin kolaborasi bersama pihak tuan bagi membangunkan aplikasi MPHS GO (2.0) yang akan digunakan oleh semua penduduk Hulu Selangor. 4. Diharapkan agar aplikasi ini nanti dapat digunakan oleh semua penduduk Hulu Selangor secara menyeluruh dan segala pertanyaan serta isu masyarakat dapat diajukan kepada pihak yang sepututnya. Segala kerjasama dan perhatian pihak tuan amatlah diharapkan dan didahulukan dengan ucapan terima kasih. Sekian. Saya yang menjalankan amanah. (MOHD FERUZ BIN ZAINAL) 700610-08-5839 Ketua Kampung/ Pengerusi MPKK Kalong Tengah/Hilir Ulu Yam Bharu, Mukim Ulu Yam Selangor No. Tel: 018-212 1600 
---	--	--

Sumber : Surat jemputan untuk berkolaborasi bersama pihak MPHS dan surat balas setuju terima daripada MPKK Kalong Tengah/ Hilir


PELAN STRATEGIK e-PEMBAYARAN SEKTOR AWAM 2016 - 2020	
DEFINISI	
e-PEMBAYARAN	
e-Pembayaran merupakan kaedah pembayaran kepada perkhidmatan Kerajaan secara elektronik dengan menggunakan mod bayaran tanpa tunai (kad kredit, kad debit, kad caj, kad prabayar dan lain-lain) melalui pelbagai saluran bayaran [terminal kad pembayaran (POS), <i>Automated Teller Machine</i> (ATM), kiosk, perbankan internet, pembayaran mudah alih, portal agensi, gerbang pembayaran Kerajaan dan lain-lain].	
MATLAMAT	
e-Pembayaran sebagai pilihan utama perkhidmatan pembayaran Sektor Awam yang kondusif, selamat dan efisien.	
OBJEKTIF	
i.	Menambah baik persekitaran e-Pembayaran yang mesra pengguna.
ii.	Membudayakan e-Pembayaran untuk meningkatkan tahap penggunaan dan kepuasan pengguna.
iii.	Meningkatkan keyakinan pengguna terhadap perkhidmatan e-Pembayaran.

Lampiran 4 : Prinsip Panduan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021 - 2025.




Sumber : Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021 – 2025.

Lampiran 5 : Smart Selangor Action Plan 2025



Sumber : Smart Selangor Action Plan 2025 Summary

Lampiran 6 : Matlamat SDG 17 (SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS)



MPHS GO 2.0 dicipta seiring dengan matlamat SDG 11, 16 dan 17

Lampiran 7 : Proses Kaedah Pemilihan projek

7.1 Carta Proses Kaedah Pemilihan Projek :




7.2 Kaedah Sumbangsaran :

Melalui kaedah sumbangsaran oleh ahli kumpulan, maka masalah disenaraikan seperti dibawah :

BIL	ISU / MASALAH	PENCADANG	SUMBER
a.	Kekerapan panggilan masuk yang bukan dibawah skop majlis.	En. Syazrul	Rekod panggilan keluar dan masuk
